



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

'KEDAH SEJAHTERA'

UMHSB/BLP/S/NEM/P/2010 (3)

27 Julai 2010

Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor.

Y. Bhg. Dato' Prof/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/ Puan,

MEMOHON KELULUSAN HEBAHAN PERSIDANGAN BERTAJUK *THE TENTH MALAYSIA PLAN: IMPERATIVES OF THE NEW ECONOMIC MODEL*

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Malaysia Institute of Economic Research (MIER) akan menganjurkan satu persidangan bertajuk *THE TENTH MALAYSIA PLAN: IMPERATIVES OF THE NEW ECONOMIC MODEL* pada 30 September 2010 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB), sebuah anak syarikat milik penuh Universiti Utara Malaysia telah dilantik menjadi pengurus acara (event manager) bagi persidangan tersebut.

Persidangan sehari ini bakal menghimpunkan 20 kertas kerja dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dan agensi di bawah kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan inisiatif Model Baru Ekonomi (MBE) yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada penghujung April 2010 lalu.

Objektif utama persidangan ialah untuk menyediakan satu forum/platform bagi menganalisa keperluan dan kepentingan Model Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Ke-10, dan juga pembentangan kertas kerja serta artikel penyelidikan yang berorientasikan polisi yang berkaitan dengan isu-isu penting bagi mencapai sasaran yang telahpun ditetapkan di dalam Model Ekonomi Baru yang dijangka dapat melonjakkan negara untuk menjadi sebuah negara maju berteraskan pendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tiga teras yang menjadi kerangka utama MBE akan dibincangkan melalui kajian empirikal oleh penyelidik-penyelidik tersebut. Pada akhirnya, kertas-kertas kerja terpilih akan dimuatkan ke dalam International Journal of Management Studies (Edisi Khas) sempena meraikan Model Baru Ekonomi oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Peserta dan pembentang kertas kerja persidangan ini terdiri daripada penyelidik dan pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, pengarah, ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam serta pengurus dan eksekutif dari pelbagai industri dari sektor swasta.

TERIMA

9 AUG 2010

Prof. Madya
M. K. M. M. M.



Di antara tetamu jemputan yang akan hadir sebagai pembentang kertas kerja dan panel di dalam sesi perbincangan persidangan sehari ini ialah :

1. Prof. Dr. Zakariah Abdul Rashid,
Executive Director, Malaysian Institute of Economic Research (MIER)
2. YBhg. Tan Sri Dr. Lin See Yan,
Former Deputy Governor, Bank Negara Malaysia (BNM)
3. YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob,
Chairman Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)
4. YBhg. Dato' Dr. Mahani Zainal Abidin,
Chief Executive, Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia
5. YBhg. Tan Sri Ramon Navaratnam,
Group Adviser, Sunway Group
6. YBhg. Dato' Wira Dr. Affifuddin Omar,
Chairman, Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh itu kami ingin memohon kerjasama dan bantuan Y. Bhg. Dato' Prof/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan untuk membuat hebahan persidangan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sehubungan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak Y. Bhg. Dato' Prof/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan dapat mempamerkan poster persidangan tersebut di sepuluh (10) lokasi strategik di dalam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bersama-sama surat ini disertakan sepuluh (10) keping poster persidangan tersebut.

Kerjasama dan sokongan dari pihak Y. Bhg. Dato' Prof/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat-amat dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

'ILMU BUDI BAKTI'

Yang benar,



PROF. DR HASSAN ALI

Timbalan Pengerusi Persidangan

The Tenth Malaysia Plan: Imperatives of the New Economic Model